

3.6 Reka Bentuk Perincian Arkitek dan/atau Kejuruteraan

- 3.6.1 Setelah Kementerian/Jabatan Pelanggan meluluskan reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina, dan mengesahkan adanya peruntukan, JKR akan memulakan reka bentuk perincian arkitek dan/atau kejuruteraan. Kerja-kerja reka bentuk kejuruteraan struktur dimulakan setelah menerima laporan penyelidikan tanah.
- 3.6.2 Sekiranya bangunan Kerajaan yang sedia ada akan dirobohkan, Perakuan meroboh perlu disediakan di peringkat ini untuk kelulusan. Perakuan meroboh ini lazimnya disediakan oleh pejabat yang melaksanakan pengukuran tapak bina. Bagi projek Kerajaan Persekutuan, Ketua Pengarah Kerja Raya atau Pengarah Cawangan berkenaan yang diberi kuasa akan meluluskannya sementara bagi projek Kerajaan Negeri, kelulusan akan diberi oleh Pengarah JKR Negeri yang berkenaan. Keuntungan yang diperolehi dari penjualan bahan hasil dari perobohan bangunan hendaklah dikreditkan ke dalam hasil Kerajaan.
- 3.6.3 Semasa reka bentuk perincian disediakan, adalah penting untuk memastikan tugas pereka bentuk dari pelbagai disiplin diselaraskan. Adalah penting juga untuk memastikan kehendak-kehendak badan-badan berkuasa perancangan, kemudahan dan tempatan dimasukkan ke dalam reka bentuk, dan reka bentuk tersebut lengkap (sekiranya mungkin) dari semua aspek sebelum pelawaan tender.

3.7 Penyediaan Anggaran Awal dan Kawalan Kos

- 3.7.1 Apabila reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina telah siap, anggaran awal disediakan dan dikemukakan bersama-sama reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan untuk kelulusan. Anggaran awal ini merupakan satu semakan ke atas peruntukan yang telah disediakan dan/atau juga menjadi petunjuk terhadap amaun wang yang diperlukan bagi projek tersebut.